

Bagaiakan sawah

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Bagai meredah sawah. Itulah masalah yang dihadapi setiap hari penduduk Flat Sri Perak di Bandar Baru Sentul, di sini setiap kali selepas hujan lebat.

Tinjauan *KOSMO!* semalam mendapati, air longkang melimpah walaupun hujan mencurah tidak sampai 10 minit.

Menurut penduduk yang mahu dikenali sebagai Fadli, 25, keadaan itu disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak mampu menampung aliran air setiap kali hujan lebat.

“Air longkang akan melimpah dan membawa sampah-sarap ke jalan setiap kali hujan lebat,” katanya.

Semasa tinjauan, Dewan Bandaranya Kuala Lumpur (DBKL) turut kelihatan sedang membersihkan longkang di sekitar kawasan perumahan tersebut bagaimanapun air masih lagi melimpah setiap kali hujan turun.

Jelas seorang penduduk, Sharita Yusuf, 30, masalah itu diburukkan lagi dengan sikap penduduk yang suka membuang sampah sesuka hati sehingga menyebabkan aliran air tersumbat dan melimpah.

“Keadaan ini juga menyebabkan murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Perak menghadapi kesulitan,” katanya.

Kakitangan sekolah itu, Hamidah Ahmad, 30, berkata, setiap kali hujan lebat, saluran air di sekolah tersebut sering pecah atau bocor akibat aliran yang tersumbat.

“Saluran air yang pecah menyebabkan air melimpah ke dalam kelas sehingga mengganggu proses pembelajaran murid-murid,” katanya.



MURID-MURID terpaksa menyingsing kain meredah air yang sentiasa bergenang di Sekolah Kebangsaan Sri Perak kerana sistem perparitan yang tersekat.